

**SEMPENA MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGARA
01/11/2014**

DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

YB Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains Teknologi dan Inovasi

YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah
Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi

Ahli-ahli Yang Berhormat

YBhg Tan Sri Prof. Dr. Zakri Abdul Hamid
Penasihat Sains Kepada Perdana Menteri

YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan,

Dif-Dif Kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin

Para Guru dan Ibu-Bapa, Para Belia dan Beliawanis

Tuan- tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,
Assalamu'alaikum warahmatullahiwabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat berhimpun pada malam ini di Majlis Anugerah Inovasi Negara 2014.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri, dan warga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kerana telah menjemput saya untuk bersama-sama pada malam ini bagi meraikan majlis tahunan anjuran MOSTI untuk memberi pengiktirafan kepada penyelidik dan perekacipta- tempatan yang berjaya menjana idea baru, memanfaatkan kreativiti serta menghasilkan inovasi.

Hadirin yang dihormati,

3. Dalam usaha membina kemajuan ianya memerlukan satu perubahan, tranformasi atau

inovasi baru. Ummah yang berinovasi akan mendahului zaman dan maju ke hadapan. Rasulullah bersabda dalam hadithnya “Sebaik-baik manusia ialah orang-orang yang bermanfaat kepada orang lain.” [Riwayat at-Tabarani]

4. Hadith Rasulullah SAW ini memberi peringatan agar manusia, pada setiap saat dan masa, perlu meningkatkan keupayaan diri dengan ilmu dan amalan yang membawa kebaikan dan kesejahteraan diri dan masyarakat. Sehubungan itu, inovasi dan kreativiti dalam bidang sains dan teknologi merupakan faktor penyumbang ke arah kemajuan dan kejayaan sesuatu umat dan negara.

Agenda Inovasi Negara

5. Kemajuan negara kita mutakhir ini telah mendapat pengiktirafan yang amat membanggakan. Dalam Laporan Bank Dunia 'Doing Business 2015 Report', Malaysia telah berjaya naik 2 anak tangga ke kedudukan ke-18, manakala pencapaian negara di dalam Laporan Ease of Doing Business 2014 yang dikeluarkan oleh Bank Dunia, juga meningkat ke tempat ke-6, dari kedudukan ke-12 pada tahun 2013. Laporan ini juga menunjukkan bahawa Malaysia telah dapat mengatasi negara-negara yang lebih terdahulu membangun seperti Korea Selatan, Norway, United Kingdom dan Australia.

6. Ini mencerminkan bahawa Kerajaan ikhlas, komited dan bertanggung-jawab mewujudkan persekitaran yang benar-benar kondusif bagi pembangunan ekonomi negara, terutamanya dalam memacu faktor-faktor yang akan menjana produktiviti dan nilai tambah yang tinggi seperti agenda inovasi dan kreativiti.

7. Kerajaan percaya pemerkasaan agenda inovasi merupakan pendorong sebenar dalam visi kita mencapai negara membangun sepenuhnya, serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Oleh itu, pelbagai program telah dilaksanakan, antara yang utama, meliputi Malaysia Inovatif 2010; Program Penggalakan Sains dan Matematik 2011; Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Negara 2012; Science to Action 2014; dan Inovasi Inklusif. Kerajaan turut mewujudkan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) untuk merumus dasar, strategi dan haluan berkaitan inovasi, yang akan dapat merangsang lagi agenda inovasi di Malaysia.

8. Malaysia hari ini berada dilandasan yang betul dalam usaha memperkukuhkan agenda inovasi, khususnya menjana persekitaran yang kondusif dan responsif untuk merealisasikan budaya kreativiti dan inovasi yang mantap dan berterusan. Di dalam Bajet 2015, Kerajaan telah memperuntukan hampir RM1.5 bilion bertujuan memperkasa lagi eko-sistem tersebut bagi menjana dan meningkatkan hasil inovasi, penyelidikan serta pengkomersilan yang praktikal dan berkualiti.

9. Di samping itu, Kerajaan melalui MOSTI, telah menyediakan peluang pembiayaan untuk membangunkan ciptaan hasil cetusan idea-idea kreatif dan inovatif yang berpotensi tinggi. Dari Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sehingga September 2014 ini, peruntukkan hampir RM3.6 bilion disediakan bagi memperkasa penyelidikan, pembangunan dan komersilan (R,D&C). Dari jumlah ini, lebih dari 4,206 projek telah dilaksanakan, manakala 366 projek telah dapat dikomersilkan yang memberi hasil jualan hampir RM3.1 bilion. Sekiranya dipuratakan, setiap projek yang berjaya dikomersilkan ini dapat menghasilkan jualan sebanyak RM8.5 juta.

10. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM653.34 juta untuk membiayai 1,492 projek melalui dana MOSTI yang merangkumi ScienceFund, TechnoFund, Innofund, Biotechnology Commercialisation Fund, Technology Acquisition Fund dan Commercialisation of R&D Fund.

11. Bagi terus memperkasakan sektor R,D&C, Kerajaan turut mengukuhkan proses mengarus perdana (streamlining) projek dan sumber-sumber kewangan bagi mengatasi pertindihan-pertindihan yang wujud dibawah seliaan pelbagai agensi Kerajaan.

12. Melalui usaha penilaian projek R,D&C dari tahun 2013-2014, sejumlah 239 projek bernilai RM2.76 bilion telah disemak, dan sebanyak 78 projek bernilai hampir RM680 juta telah diurus-perdanakan. Ini mencerminkan bahawa Kerajaan turut melaksana urus tadbir yang menyeluruh dalam memastikan bahawa hasil R,D&C benar-benar memberi manfaat dan impak kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Hadirin yang dihormati,

13. Kerajaan melihat agenda pembangunan dan pemerksaan inovasi negara perlulah berbentuk inklusif, ianya perlu dipikul oleh semua pihak meliputi sektor awam, akedemik, swasta mahupun badan-badan bukan Kerajaan (NGOs).

14. Walaupun kedudukan Malaysia berada di posisi ke 33 dari 143 buah negara seperti di dalam Laporan Global Innovation Index 2014, penglibatan aktif dan berterusan semua pihak untuk mewujudkan budaya inovasi dan kreativiti, akan memberi impak dan penghasilan nilai kepada ekonomi negara secara keseluruhan. Inilah yang akan dapat meningkatkan keupayaan dan kesejahteraan sosio-ekonomi negara, serta memacu kuasa daya-saing negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

15. Saya mengesa agar pembangunan penyelidikan dan agenda inovasi kita bukan semata-mata reaktif kepada masalah semasa, tetapi kita perlu menginovasi secara proaktif untuk masa hadapan negara. "We must anticipate the needs of the future generation", dan ini adalah amat penting untuk kesiap-sagaan negara kita untuk menjadi negara yang benar-

benar ke hadapan sebagai pemankin inovasi global.

16. Universiti dan pusat-pusat penyelidikan merupakan institusi dan nadi asas yang menjana dan memupuk perkembangan inovasi, disamping berperanan sebagai tulang belakang kepada sesebuah ekonomi, yang berteraskan ilmu (knowledge based economy). Oleh itu, adalah penting modal insan yang lahir dari universiti dan institusi tempatan mempunyai keupayaan pemikiran analitis, dan kemahiran yang konstruktif dan kreatif untuk melaksana tugas dan tanggung-jawab sebagai penyelidik dan inovator.

17. Selaras dengan itu, saya berharap institusi pengajian, dan penyelidikan sentiasa peka kepada keperluan program pembinaan modal insan penyelidikan yang holistik, efektif dan trans-disiplinari dan memenuhi keperluan rangkaian inovasi dari makmal ke pasaran.

Hadirin sekalian,

18. Kerajaan menekankan bahawa nilai keberhasilan inovasi harus diukur bukan sahaja dari nilai komersil penjualan ringgit dan sen, tetapi daripada impak pengukuhan eko-sistem industri, penjanaan modal insan, peluang pekerjaan, peningkatan GNI jangka panjang, pembinaan reputasi negara dan amat penting juga pulangan sosial sesuatu pelaburan atau the "social returns on investment" yang memberi impak kepada kesejahteraan rakyat.

19. Hasil penyelidikan yang mampu merealisasikan nilai sebenar adalah yang menepati kehendak dan citarasa kumpulan sasar. Keberhasilan ini hanya terhasil bila wujudnya kerjasama kukuh dan kesefahaman erat di antara semua pihak. Berkait dengan ini, institusi akademik dan penyelidikan perlu sentiasa mengadakan sesi engagement bersama pihak-pihak terlibat, terutama pihak industri.

20. Saya juga ingin sarankan supaya industri tempatan lebih terbuka untuk berkongsi perkembangan semasa dan juga permasalahan mereka dengan penyelidik tempatan agar dialog dua hala menjadi satu kebiasaan, membina kepercayaan dan menjana pertukaran maklumat yang mampu membina eko-sistem inovasi terbuka dan mampan.

21. Sehubungan ini, saya berharap platform seperti Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB), yang dimulakan pada tahun lepas dengan peruntukan sebanyak RM80 juta, bagi memperkukuhkan perkongsian bestari dan inovasi antara penyelidik di Universiti dan industri dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat.

22. Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan sektor swasta kerana sedar bahawa, secara umumnya, kekayaan dan pendapatan negara terhasil dari peningkatan inovasi dan produktiviti oleh sektor industri dan perniagaan. Sementara

Kerajaan memainkan peranan mewujudkan eko-sistem dan persekitaran yang kondusif dan menyediakan pelbagai insentif yang berbentuk kewangan dan bukan kewangan, adalah penting usahawan-usahawan terutamanya SME tempatan, yang mewakili hampir 98% perniagaan di Malaysia, turut sama meningkatkan komitmen dan usaha untuk memakmurkan budaya inovasi dan kreativiti.

23. Pasaran tempatan semakin hari menjadi semakin sengit, dan ruang pasaran domestik pula semakin mengecil. Ini merupakan cabaran kepada peniaga industri kecil dan sederhana, yang tidak ada pilihan melainkan berusaha menjadi lebih kompetitif agar dapat menembusi pasaran global. Ini memerlukan usahawan tempatan meningkatkan keupayaan operasi mereka secara cost efficient, dengan menerapkan agenda inovasi di dalam model perniagaan, teknologi rekabentuk dan pengeluaran, serta pemasaran mereka.

24. Saya ingin mengingatkan usahawan tempatan bahawa inovasi bukan terhad kepada mencipta sesuatu proses atau produk yang baru, ianya turut mencakupi mengguna-pakai kemudahan atau teknologi sedia-ada dengan sedikit pembaharuan ringkas, tetapi yang utamanya dapat memberi impak yang signifikan. Hari ini, Kerajaan telah menyediakan satu saluran efektif menghubungkan usahawan SME tempatan dengan pemilik-pemilik harta intelek (IP) agar teknologi yang sedia-ada boleh dimanfaatkan dengan lebih efisien.

25. Kerajaan melalui AIM dan SMECorp, telah menubuhkan inisiatif PlatCOM ventures pada April 2014 yang menyediakan program Peluang Perniagaan Inovasi (Innovation Business Opportunity-IBO) bertujuan membantu usahawan tempatan merealisasikan inovasi di dalam aktiviti perniagaan mereka dalam masa yang lebih cepat dan berkesan. Dan saya harap usahawan tempatan mengambil kesempatan menggunakan kemudahan ini sepenuhnya.

26. Saya turut menggalakkan rakyat dari segenap bidang dan profesion untuk menggunakan Portal 1DANA, yang telah dilancarkan oleh Kerajaan baru-baru ini, bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan program dana kerajaan, kemudahan fasiliti R&D, dan peluang-peluang pengkomersilan yang disediakan dibawah setiap badan/agensi Kerajaan yang berkenaan.

27. Sudah tentu, ini merupakan satu lagi saluran oleh Kerajaan yang perihatin untuk 'merakyatkan' bidang inovasi dan kreativiti, bertujuan merangsang dan membangunkan eko-sistem inovasi bagi memakmurkan lagi kekayaan untuk negara, dan kesejahteraan rakyat.

Hadirin yang dihormati,

28. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Inovasi Negara malam ini. Komitmen dan kejayaan anda adalah sangat menggalakkan dan pastinya akan menyuntik semangat kepada rakan-rakan lain untuk terus menyumbang dan

berkongsi idea yang inovatif dan kreatif.

29. Sekali lagi, saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kerana berjaya menganjur acara yang berprestij ini.

30. Akhir kata, saya mengucapkan Salam Hormat dan Salam 1Malaysia dan Selamat Berinovatif.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalaamu Alaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Sekian, terima kasih.